



John Madin (tengah) bersama penyelidik Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS sedang membuat kajian terhadap paus yang ditemui terdampar di Kuala Penyu.

UMS bantu kaji kes paus terkandas

» Tubuh pasukan khas kenal pasti spesies mamalia

BH 08-08-2013 4

Oleh Suzianah Jiffar
suzianah@bharian.com.my

■ Kota Kinabalu

Institut Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan pasukan petugas khas mem-

bantu beberapa agensi kerajaan mengendalikan kajian berhubung kes paus terkandas di perairan negeri ini, Khamis lalu.

Rangka SOP

Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS, Prof Saleem Mustafa, berkata pihaknya akan merangka Prosedur Operasi Standard (SOP) bersesuaian dengan kehendak tempatan dalam mengendalikan mamalia berkenaan.

"Institut juga akan menjalankan penyelidikan menyeluruh bagi mengenal pasti spe-

sies sebenar paus yang ditemui terdampar sebelum mati di pantai dekat Kuala Sungai Sitompok, Kuala Penyu itu.

Spesies belum diketahui

"Ini kerana paus sepanjang 15.8 meter dengan berat 10 tan itu yang dikategori sebagai paus Balen dalam keluarga Balaeonopteridae, belum diketahui spesies sebenarnya walaupun ada beberapa tanda menampakkannya sebagai spesies Bryde.

"Beberapa sampel tisu paus itu sudah diambil dan akan diproses untuk analisis DNA," katanya pada sidang media.

Hadir sama penyelidik Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS, Dr John Madin, Dr Julian Ransangan dan Muhammad Ali Syed Hussein.

Khamis lalu, paus betina itu ditemui hidup oleh pekerja Pulau Tiga yang kebetulan melalui lokasi berkenaan kira-kira

jam 9 pagi sebelum dimaklumkan kepada Jabatan Perikanan daerah. Paus berkenaan terperangkap di kawasan air cetek berkedalaman kira-kira dua meter di Kuala Sungai Sitompok bersebelahan Kampung Palu-Palu.

Selepas pelbagai usaha diambil untuk menyelamatkannya, Jabatan Perikanan mengesahkan kematian paus itu kira-kira jam 8 malam hari sama manakala bangkainya ditanam pada Jumaat.

Dr Salem berkata kematian paus itu dipercayai akibat sakit, selain keadaannya lemah.

"Kita dapati ada kesan calar dan luka di seluruh tubuhnya tetapi tiada tanda kecederaan serius luaran lain di tubuhnya. Usaha sudah diambil oleh penyelidik Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS untuk menyelamatkan paus itu bersama pelbagai agensi kerajaan serta masyarakat setempat.

INFO

Paus terdampar di Kuala Penyu

- Panjang - 15.8 meter
- Berat - 10 tan